KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

# NOTA KEPADA PENGARANG

## PROGRAM SPACE INSIGHT X 2026 (PROGRAM ASTRONOMI INKLUSIF) DI PLANETARIUM NEGARA

Wakil media dijemput untuk membuat liputan semasa Program Space Insight X 2026 (Program Astronomi Inklusif) anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Planetarium Negara yang akan diadakan mengikut ketetapan berikut:

**Tarikh : 7 November 2026 (Sabtu)**
**Masa : 8.00 pagi – 2.00 petang**
**Tempat : Planetarium Negara, Kuala Lumpur**

Program Space Insight X 2026 merupakan inisiatif strategik di bawah #PlanetariumGoldenHeart yang memberi peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) serta golongan rentan untuk mempelajari bidang Astronomi dan Sains Angkasa. Simbol "X" mewakili "expansion" atau "pengembangan", merujuk kepada perluasan fokus program daripada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ketidakupayaan penglihatan kepada pelbagai kategori OKU lain, masyarakat Orang Asli, komuniti pedalaman, golongan B40, warga emas, warga pelarian, serta golongan sasaran OKU di peringkat antarabangsa di bawah Working Group on Inclusive Outreach, International Astronomical Union (IAU).

Program ini melibatkan seramai 200 peserta dan disemarakkan dengan pelbagai pengisian utama termasuk sesi Space-Fit, Fun Walk bersama Pengarah Planetarium Negara, YBrs. Encik Mohd Zamri Shah bin Mastor, dan Sembang Hentian bertajuk "Cabaran Fizikal ke Angkasa Lepas" oleh YBhg. Prof. Madya Major Dr. Mohd Harridon bin Mohamed Suffian, Pensyarah UniKL MIAT.

Program ini turut menyaksikan acara Serahan Modul Astronomi MBPK Ketidakupayaan Penglihatan kepada SM Pendidikan Khas Setapak serta gimik penutupan penyerahan modul bagi 18 buah sekolah sasar di seluruh negara melalui sokongan CSR Hibiscus Petroleum Berhad. Pelbagai aktiviti interaktif turut diadakan seperti Pencerapan

Matahari, DIY Rocket, Pelancaran Roket Air, Mini Dome, Sukaneka, Kembara ke Angkasa, dan Planet VR.

Sehubungan itu, wakil-wakil media adalah dijemput untuk membuat liputan majlis berkenaan. Atur cara majlis adalah seperti di **Lampiran 1**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Mohd Hafizuddin bin Husin, Pegawai Penerangan (011-1225 9730 / hafizuddin@planet.gov.my).

**PLANETARIUM NEGARA**
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**
7 November 2026

LAMPIRAN 1

**ATUR CARA**
**PROGRAM ASTRONOMI INKLUSIF**

**Tarikh : 7 November 2026 (Sabtu)**
**Tempat : Planetarium Negara, Kuala Lumpur**

| MASA | PERKARA |
|---|---|
| 8.00 pagi | Ketibaan Tetamu Jemputan |
| 8.30 pagi | Ketibaan **YBrs. En. Mohd Zamri Shah bin Mastor**<br>Pengarah, Planetarium Negara<br>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) |
| 9.40 pagi | Space- Fit |
| 9. 00 pagi | Fun Walk bersama **YBrs. En. Mohd Zamri Shah bin Mastor**<br>Pengarah, Planetarium Negara,<br>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)<br><br>Sembang Hentian " Cabaran Fizikal ke Angkasa Lepas" bersama<br>**YBhg. Prof. Madya Major Dr. Mohd Harridon bin Mohamed Suffian**<br>(Pensyarah Malaysian Institute of Aviation Technology, UniKL) |
| 10.00 pagi | Bingkisan Kata oleh **YBrs. En. Mohd Zamri Shah bin Mastor**<br>Pengarah, Planetarium Negara,<br>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)<br><br>Serahan Modul Astronomi Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Ketidakupayaan Penglihatan kepada SM Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur oleh **YBrs. En. Mohd Zamri Shah bin Mastor,**<br>Pengarah, Planetarium Negara,<br>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)<br><br>Video Gimik Penutupan Penyerahan Modul Astronomi bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Ketidakupayaan Penglihatan untuk kesemua 18 buah sekolah dalam negara<br><br>Sesi Fotografi |
| 10.30 pagi | **Aktiviti:** Pencerapan Matahari, DIY Rocket, Pelancaran Roket Air, Mini Dome, Sukaneka, Kembara ke Angkasa dan Planet VR |
| 2.00 petang | Bersurai |